



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	5/10/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			



ANGGOTA Penguat Kuasa JPNN menunjukkan papan tanda lesen tanah milik berwarna hitam pendaftaran Kelantan yang dipasang pada balak bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

HM,5 Okt 2021\_8

# Balak dari Pahang guna lesen Kelantan

*Dua pemandu, seorang pembantu ditahan untuk soal siasat*

Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@metro.com.my

### Maran

Penguat Kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNN) mengekori sejauh 25 kilometer sebelum menahan dengan dua lori membawa 54 balak curi di Jalan Kuantan-Marar di sini, semalam.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat kuasa) JPNN, Nor Azirim Ahmad berkata, susulan aduan awam diterima, pihaknya melakukan intipan di dua laluan utama di Kampung Seri Makmur dan Jalan Belimbing di sini bermula 10 malam.

Menurutnya, selepas

menunggu lebih sembilan jam anggota penguat kuasa akhirnya mengesan dua lori membawa muatan balak melalui Jalan Belimbing jam 5.50 pagi sebelum mengekornya.

"Kita mengekori sejauh 25 kilometer sebelum menahan dua lori terbabit yang turut kawal kenderaan pemberi maklumat atau tonto di bandar Maran pada jam 6.16 pagi.

"Dua pemandu serta seorang pembantu berusia 27 hingga 47 tahun berasal dari Kelantan dan Terengganu ditahan

untuk soal siasat dan diambil keterangan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, kejayaan menahan dua lori terbabit berjaya membongkar lokasi kegiatan menebang balak secara haram terbabit yang berlaku di Kompartmen 35 Hutan Simpan Lepar di sini.

Turut ditemukan jentera yang digunakan untuk menarik dan mengangkat balak ke atas lori.

Nor Azirim berkata, untuk mengaburi pihak berkuasa pemandu lori terbabit bertindak menggunakan papan tanda lesen tanah milik pendaftaran Kelantan

pada balak berkenaan.

Katanya, semua balak yang cuba dipindahkan secara haram itu adalah spesies meranti membabitkan nilai kira-kira RM30,000.

"Pemandu lori terbabit mendakwa mereka tidak mengetahui balak yang dibawa tidak mempunyai permit atau dokumen sah daripada JPNN. Alasan berkenaan biasa digunakan mereka yang terbabit dengan kegiatan mencuri hasil hutan di negeri ini.

"Lori dan jentera disita di pusat simpanan barangan kes JPNN di Pejabat Ladang Hutan Kemasuk, Mentakab. Usaha mengesan dalang kegiatan haram itu akan dilakukan," katanya.

**Kejayaan menahan dua lori bongkar lokasi kegiatan menebang balak secara haram**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)